

# 1MDB: Najib kali ketiga gagal singkir Sri Ram

**KUALA LUMPUR:** Untuk kesekian kalinya, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak gagal dalam usahanya menyingkir bekas Hakim Mahkamah Rayuan, Datuk Seri Gopal Sri Ram daripada mengetuai pasukan pendakwaan kes meminda laporan audit syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dihadapinya.

Hakim Mahkamah Tinggi di sini, Mohamed Zaini Mazlan memutuskan untuk menolak permohonan Ahli Parlimen Pekan itu selepas mendapati permohonan yang dikemukakan Najib tidak mempunyai sebarang merit.

Sebelum ini, bekas Presiden UMNO itu pernah membuat cubaan sama bagi kes berkaitan dengan penyelewengan dana 1MDB di dua mahkamah yang berbeza.

Permohonan kali pertama ditolak Hakim Collin Lawrence Sequerah yang mendengar kes beliau membabitkan penyelewengan dana 1MDB berjumlah RM2.28 bilion. Keputusan itu kemudian dikekalkan oleh Mahkamah Rayuan dan Persekutuan.

Cubaan kali kedua dibuat secara sivil melalui semakan kehakiman di hadapan Hakim



**NAJIB Tun Razak hadir ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bagi mendengar keputusan mengetepikan Gopal Sri Ram mengetuai pasukan pendakwaan. - UTUSAN/SHIDDIQIIN ZON**

Datuk Seri Mariana Yahya yang turut menolak permohonan tersebut. Keputusan kes itu kini sedang dirayu di peringkat Mahkamah Rayuan.

Terdahulu ketika membacakan penghakiman ringkasnya, Hakim Mohamed Zaini menyatakan, tiada bukti kukuh untuk menyokong dakwaan Najib bahawa Sri Ram telah bertindak berat sebelah ketika menjalankan tugasnya sebagai Timbalan Pendakwa Raya.

“Sekiranya pemohon dapat menunjukkan Sri Ram bersikap atau bertindak berat sebelah ketika menjalankan tugas, maka pertimbangan yang berbeza akan diambil. Pemohon (Najib) juga bergantung kepada komunikasi antara bekas Peguam Negara, Tan Sri Apani Ali dan Datuk Seri Gopal Sri Ram bagi membuktikan elemen berat sebelah terhadapnya.

“Alasan ini tidak mempunyai sebarang asas. Seperti manusia

lain, Gopal Sri Ram juga mempunyai pandangannya sendiri dan pandangan itu tidak boleh dikatakan akan mempengaruhi tanggungjawabnya sebagai Timbalan Pendakwa Raya Kanan. Sehubungan itu, permohonan pemohon ditolak,” katanya.

Pada prosiding semalam, pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib manakala peguam bela Nur Syahirah Hanapih hadir mewakili Najib.